

D.R. 1/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 [*Akta 326*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif "bahan Al-Qur'an", dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana Ayat Al-Qur'an," perkataan "sama ada dalam tulisan bahasa Arab atau Braille,"; dan

- (b) dalam takrif “teks Al-Qur’an”, dengan memasukkan selepas perkataan “atau mana-mana bahagiannya” perkataan “, sama ada dalam tulisan bahasa Arab atau Braille,”.

Pindaan seksyen 3

3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan “dan Labuan” dengan perkataan “, Labuan dan Putrajaya”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Setiap anggota yang dilantik hendaklah berkhidmat selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Anggota Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Seksyen baharu 3A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Anggota silih ganti

3A. (1) Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah subseksyen (3), melantik seorang anggota silih ganti yang boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti atas apa-apa sebab tidak dapat hadir.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota silih ganti boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya di bawah subseksyen (3) atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.”.

Pindaan seksyen 5

5. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”; dan
- (b) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Pindaan seksyen 6

6. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “betul” perkataan “dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga”; dan

- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Pindaan seksyen 7

7. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “betul” perkataan “dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Seksyen baharu 7A dan 7B

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Menahan penghantarserahan teks Al-Qur’an yang diimport yang tidak diperakui

7A. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan, boleh menahan penghantarserahan sesuatu teks Al-Qur’an yang diimport yang tidak diperakui secara bertulis oleh Lembaga di bawah seksyen 7.

(2) Sesuatu teks Al-Qur’an yang ditahan di bawah subseksyen (1) hendaklah, dengan seberapa segera yang praktikal, diserahkan kepada Lembaga dan diteliti oleh Lembaga.

(3) Jika Lembaga memperakui bahawa teks Al-Qur’an itu —

- (a) betul dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur’an yang terkandung di dalamnya, Lembaga hendaklah

membenarkan pengimportan tertakluk kepada perakuan di bawah seksyen 7 dan memberikan notis secara bertulis kepada orang yang daripadanya teks Al-Qur'an itu ditahan menghendaki orang itu untuk menuntut atau mengambil teks Al-Qur'an itu tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh notis itu; atau

- (b) mengandungi apa-apa kesilapan atau tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya, Lembaga hendaklah melarang pengimportan dan memberikan notis secara bertulis kepada orang yang daripadanya teks Al-Qur'an itu ditahan menghendaki orang itu untuk mengembalikan teks Al-Qur'an itu kepada pengirimnya di luar Malaysia tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh notis itu.

(4) Jika orang yang daripadanya teks Al-Qur'an itu ditahan gagal untuk menuntut atau mengambil teks Al-Qur'an itu dalam masa enam bulan dari tarikh notis di bawah perenggan (3)(a) atau gagal untuk mengembalikan teks Al-Qur'an itu kepada pengirimnya di luar Malaysia dalam masa tiga bulan dari tarikh notis di bawah perenggan (3)(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, teks Al-Qur'an itu hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Menahan penghantarserahan bahan Al-Qur'an yang diimport

7B. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan, boleh menahan penghantarserahan sesuatu bahan Al-Qur'an yang diimport jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia mengandungi apa-apa kesilapan atau ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam bahan Al-Qur'an itu.

(2) Sesuatu bahan Al-Qur'an yang ditahan di bawah subseksyen (1) hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, diserahkan kepada Lembaga dan diteliti oleh Lembaga.

(3) Jika Lembaga memperakui bahawa bahan Al-Qur'an itu —

- (a) betul dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya, Lembaga hendaklah membenarkan pengimportan dan memberikan notis secara bertulis kepada orang yang daripadanya bahan Al-Qur'an itu ditahan menghendaki orang itu untuk menuntut atau mengambil bahan Al-Qur'an itu tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh notis itu; atau
- (b) mengandungi apa-apa kesilapan atau tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya, Lembaga hendaklah melarang pengimportan dan memberikan notis secara bertulis kepada orang yang daripadanya bahan Al-Qur'an itu ditahan menghendaki orang itu untuk mengembalikan bahan Al-Qur'an itu kepada pengirimnya di luar Malaysia tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh notis itu.

(4) Jika orang yang daripadanya bahan Al-Qur'an itu ditahan gagal untuk menuntut atau mengambil bahan Al-Qur'an itu dalam masa enam bulan dari tarikh notis di bawah perenggan (3)(a) atau gagal untuk mengembalikan bahan Al-Qur'an itu kepada pengirimnya di luar Malaysia dalam masa tiga bulan dari tarikh notis di bawah perenggan (3)(b), mengikut mana-mana yang berkenaan, bahan Al-Qur'an itu hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.”.

Pindaan seksyen 8

9. Subseksyen 8(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “imprisonment” perkataan “for a term”.

Pindaan seksyen 9

10. Subseksyen 9(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “imprisonment” perkataan “for a term”.

Pindaan seksyen 10

11. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “atau rakaman Al-Qur'an” dan “atau rakaman”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Pindaan seksyen 11

12. Subseksyen 11(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Pindaan seksyen 13

13. Subseksyen 13(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun”.

Pindaan seksyen 14

14. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Pencetakan**” perkataan “, **pengedaran dan pemilikan**”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tiada seorang pun boleh mencetak, menerbitkan, mengimport, menjual, menawarkan untuk jualan, mengedarkan, atau ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya bagi maksud penjualan atau pengedaran, sesuatu teks Al-Qur’an atau bahan Al-Qur’an yang mengandungi apa-apa kesilapan atau yang tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur’an yang terkandung di dalam teks Al-Qur’an atau bahan Al-Qur’an itu.”; dan

(c) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
- (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “imprisonment” perkataan “for a term”.

Seksyen baharu 14A

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menyiasat

14A. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan, boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan, hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap, dan kuasa yang sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.”.

Pindaan seksyen 15

16. Subseksyen 15(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “, bahawa terdapat sesuatu kesilapan dalam Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an itu,” dengan perkataan “bahawa terdapat sesuatu kesilapan atau ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga, berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an itu,”.

Pindaan seksyen 17

17. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “dan menahan” dengan perkataan “, menahan dan memeriksa”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “diterbitkan,” perkataan “diimport,” di mana-mana jua terdapat; dan

(b) dalam subseksyen (2), (3) dan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “penerbitan,” perkataan “pengimportan,”.

Pindaan seksyen 18

18. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “betul” perkataan “dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa kesilapan” perkataan “atau bahawa ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga”.

Seksyen baharu 20A

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan

20A. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan—

- (a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun; dan
- (b) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.

(2) Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pengerusi Lembaga suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pengerusi Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2)—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan
- (b) sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an, dokumen, rekod atau apa-apa yang disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilucuthakkan dan dilupuskan atau dilepaskan oleh Pengerusi Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Pengerusi Lembaga.

(6) Semua wang yang diterima oleh Pengerusi Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.”.

Seksyen baharu 21A dan 21B

20. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Pekhidmat Awam

21A. Seseorang anggota Lembaga semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

21B. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.”.

Seksyen baharu 26

21. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan atau arahan

26. (1) Bagi maksud Akta ini atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, Lembaga boleh mengeluarkan garis panduan atau arahan sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk mengawal selia pencetakan, pengimportan, penerbitan, penjualan, pengedaran, pelupusan, penterjemahan atau pentafsiran teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an dan boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah disiarkan oleh Lembaga mengikut apa-apa cara bagi memastikan garis panduan atau arahan itu dibawa kepada perhatian orang yang perlu mematuhi garis panduan atau arahan itu.

(3) Lembaga boleh mengenakan suatu penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini—

(a) jika orang itu merupakan seorang individu, setakat suatu amaun yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu merupakan suatu pertubuhan perbadanan, setakat suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(4) Lembaga boleh meminda atau membatalkan mana-mana garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.”.

Kecualian

22. Walau apa pun peruntukan Akta ini, anggota Lembaga yang dilantik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus memegang jawatan selama tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 ("Akta 326") untuk memperkukuh kuasa penguatkuasaan pegawai awam yang diberi kuasa di bawah Akta 326 dan untuk menaikkan jumlah penalti bagi kesalahan di bawah Akta 326.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 326 dalam takrif "bahan Al-Qur'an" dan "teks Al-Qur'an" untuk meluaskan takrif itu untuk termasuk juga Braille selain tulisan bahasa Arab.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 326.

Subfasal 3(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 3(2) dan 3(3) Akta 326 untuk menjelaskan bahawa anggota Lembaga yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan juga mewakili Putrajaya yang menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Subfasal 3(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 3(4) Akta 326 untuk memperuntukkan bahawa anggota Lembaga yang dilantik hendaklah berkhidmat selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

Subfasal 3(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 3(4A) ke dalam Akta 326 untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota Lembaga boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 3A ke dalam Akta 326 untuk memberi Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing kuasa untuk melantik anggota silih ganti yang boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti atas apa-apa sebab tidak dapat hadir. Seksyen 3A yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota silih ganti boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Lembaga dan Lembaga hendaklah mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Raja masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan. Anggota silih ganti hendaklah terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Lembaga.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 326.

Subfasal 5(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 5(6) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mencetak atau membantu dalam pencetakan, atau menerbitkan atau membantu dalam penerbitan, sesuatu teks Al-Qur'an tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Subfasal 5(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 5(7) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan tidak mematuhi atau melanggar mana-mana syarat yang dikecualikan kepada lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 5 Akta 326 daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 326.

Subfasal 6(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1) Akta 326 untuk menyatakan bahawa Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam pruf akhir atau salinan asal sesuatu teks Al-Qur'an yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pencetakannya atau penerbitannya hendaklah juga diperakui oleh Lembaga bahawa ia mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 6(3) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mencetak atau menerbitkan sesuatu teks Al-Qur'an yang tidak diperakui oleh Lembaga daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 326.

Subfasal 7(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 326 untuk menyatakan bahawa Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam salinan teks Al-Qur'an yang dikemukakan kepada Lembaga sebelum pengimportannya hendaklah juga diperakui oleh Lembaga bahawa ia mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.

Subfasal 7(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mengimport untuk dijual atau diedarkan sesuatu teks Al-Qur'an yang tidak diperakui secara bertulis oleh Lembaga daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A dan 7B ke dalam Akta 326. Seksyen 7A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan kuasa, untuk menahan penghantarserahan sesuatu teks Al-Qur'an yang diimport yang tidak diperakui secara bertulis oleh Lembaga di bawah seksyen 7 Akta 326, dan menghendakinya untuk menyerahkan teks Al-Qur'an itu kepada Lembaga untuk diteliti oleh Lembaga. Seksyen 7A yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang perlu diambil oleh Lembaga selepas meneliti teks Al-Qur'an itu.

Seksyen 7B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan kuasa, untuk menahan penghantarserahan sesuatu

bahan Al-Qur'an yang diimport, jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia mengandungi apa-apa kesilapan atau ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam bahan Al-Qur'an itu, dan menghendakinya untuk menyerahkan bahan Al-Qur'an itu kepada Lembaga untuk diteliti oleh Lembaga. Seksyen 7B yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang perlu diambil oleh Lembaga selepas meneliti bahan Al-Qur'an itu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 8(3) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mencetak atau membantu dalam pencetakan, atau menerbitkan atau membantu dalam menerbitkan, sesuatu teks Al-Qur'an yang tidak mematuhi kehendak subseksyen 8(1) Akta 326 atau yang di dalamnya mana-mana maklumat atau pernyataan yang dikehendaki ditunjukkan di bawah subseksyen 8(1) Akta 326 adalah palsu daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(2) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mencetak atau menerbitkan sesuatu teks Al-Qur'an yang berbeza, berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalamnya, daripada Ayat-Ayat yang bersamaan yang diperakui betul oleh Lembaga di bawah seksyen 6 Akta 326 daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 326.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1) Akta 326 bagi maksud keselarasan dalam kedua-dua teks bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Subfasal 11(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 10(2) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan tidak menyerahkan satu salinan teks Al-Qur'an yang telah dicetak kepada Lembaga dan tidak menyimpan satu salinan teks itu daripada denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 11(3) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan tidak memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu Ayat Al-Qur'an dimusnahkan dengan serta-merta dan tidak meninggalkan premis pencetakan kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(2) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan tidak menunjukkan dengan ketara pada helaian bercetak pertama atau terakhir sesuatu teks Al-Qur'an atau dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat teks itu, maklumat yang dinyatakan dalam subseksyen 8(1) Akta 326 atau perakuan yang dinyatakan dalam subseksyen 12(3) Akta 326, oleh orang yang menjual, menawarkan untuk

jualan, mengedarkan atau menerbitkan, atau ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya bagi maksud penjualan atau pengedaran, sesuatu teks Al-Qur'an daripada denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 326.

Subfasal 14(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 326 untuk melarang mana-mana orang daripada mencetak, menerbitkan, mengimport, menjual, menawarkan untuk jualan, mengedarkan atau ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya bagi maksud penjualan atau pengedaran, sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang mengandungi apa-apa kesilapan atau yang tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga, berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an itu.

Subfasal 14(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) Akta 326 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mencetak, menerbitkan, mengimport, menjual, menawarkan untuk jualan, mengedarkan, atau ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya bagi maksud penjualan atau pengedaran, sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang mengandungi apa-apa kesilapan atau yang tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga berkenaan dengan Ayat-Ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an itu daripada denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14A ke dalam Akta 326 untuk memberi mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan kuasa, untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta 326 yang hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pun pangkat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap, dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan dalam Akta 326 dan tidak mengurangkan kuasanya.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) Akta 326 untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan pelucuthakan sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga jika seseorang dipertuduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 326 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas apa-apa kesalahan atau tiada kesalahan telah dibuktikan.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 326.

Subfasal 17(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 326 untuk meluaskan kuasa penguatkuasaan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah

Persekutuan untuk termasuk kuasa untuk memeriksa. Kuasa untuk menyita, menahan dan memeriksa sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang dijumpai dalam milikan mana-mana orang juga boleh dilaksanakan jika pegawai polis atau pegawai awam itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia telah diimport dengan melanggar Akta 326 atau mana-mana syarat yang dikecualikan pada lesen di bawah seksyen 5 Akta 326.

Subfasal 17(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 17(2), (3) dan (4) Akta 326 untuk menyatakan bahawa mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sesuatu Negeri atau Wilayah Persekutuan boleh memohon waran daripada Majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen yang memberi kuasa kepada pegawai itu untuk memasuki mana-mana premis dan mencari, menyita dan menahan sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang pengimportannya menyalahi undang-undang di bawah Akta 326. Permohonan bagi waran itu hendaklah disokong oleh maklumat yang bermaksud bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa di premis itu terdapat sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang pengimportannya menyalahi undang-undang di bawah Akta 326.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 326 untuk menghendaki teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang disita dan ditahan di bawah seksyen 17 Akta 326 untuk dikembalikan kepada orang yang daripadanya ia disita tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh penyitaan itu jika Lembaga memperakunya mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga atau dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga jika Lembaga memperakui bahawa ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 20A ke dalam Akta 326 untuk memberi Menteri kuasa, dengan kebenaran Pendakwa Raya, untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta 326 atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 326, kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu dan kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu. Seksyen 20A yang dicadangkan juga bertujuan untuk memberi Pengerusi Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga kuasa untuk mengkompaun kesalahan dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 21A dan 21B ke dalam Akta 326. Seksyen 21A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua anggota Lembaga, semasa menunaikan kewajipannya atau melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan. Seksyen 21B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 26 ke dalam Akta 326. Seksyen 26 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk mengeluarkan garis panduan atau arahan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga untuk mengawal selia pencetakan, pengimportan, penerbitan, penjualan, pengedaran, pelupusan, penterjemahan atau pentafsiran teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an. Peruntukan baharu ini akan membantu dalam amalan terbaik dalam masa yang lebih singkat. Peruntukan baharu ini juga membenarkan Lembaga mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga.

23. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3039]